

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 26 MEI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 11

**Bilangan KIR miskin tegar berkurang lebih 6,000 dalam tempoh 5 bulan**

# Bilangan KIR miskin tegar berkurang lebih 6,000 dalam tempoh 5 bulan

## KUALA LUMPUR

- Bilangan ketua isi rumah (KIR) miskin tegar berdaftar berkurang 6,527 iaitu daripada 124,744 kepada 118,217 dalam tempoh 5 bulan. Disember 2022 sehingga 15 Mei 2023.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar

Taib berkata, dalam tempoh yang sama, bagi KIR miskin berdaftar pula berkurang daripada 304,911 kepada 299,080 iaitu sebanyak 5,831.

Jelas beliau, ia berdasarkan data dinamik e-Kasih seliaan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Di samping itu, situasi pasaran buruh negara bertambah baik sejak negara memasuki fasa peralihan ke endemik. Kadar pengangguran



**HANIFAH**

bagi Mac 2023 menurun kepada 3.5 peratus berbanding 5.3 peratus pada Mei 2020.

"Pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada 2022 membantu menyokong pemulihan dalam pasaran buruh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Mohd Syahir Che Sulaiman (PN-Bachok)** yang ingin mengetahui kemajuan dicapai kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan menghapuskan kemiskinan tegar di negara ini sejak enam bulan lalu.

Tambah beliau, kerajaan juga melaksanakan pelbagai intervensi untuk menstruktur ekonomi negara dengan keperluan ekonomi rakyat bagi menangani kemiskinan.